

KEBERKESANAN BANTUAN ZAKAT PENDIDIKAN TERHADAP GENERASI KEDUA ASNAF: KAJIAN KES DI LEMBAH KLANG

Mohd Suffian Mohamed Esa^{1*}, Wan Nur Fazni binti Wan Mohamad Nazarie² & Norfhadzilahwati binti Rahim²

^{1*}Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
P119490@siswa.ukm.edu.my (Corresponding Author)

²Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

Abstrak

E-JITU

Acceptence date:
29 January 2024

Valuation date:
15 March 2024

Publication date:
29 May 2024

Zakat merupakan suatu ibadah wajib yang dapat membantu menyelesaikan permasalahan sosioekonomi ummah. Insituti zakat dilihat sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengagihkan bantuan kepada golongan asnaf yang layak. Sungguhpun saban tahun belanjawan agihan zakat terus meningkat, permasalahan yang berlaku adalah kurangnya pengukuran impak keberkesanan agihan zakat tersebut kepada golongan asnaf. Keadaan ini menyebabkan impak pengagihan zakat tidak dilaporkan seterusnya menyebabkan tahap keyakinan masyarakat dan pemegang taruh terjejas. Bagi menyelesaikan isu ini, kajian dilaksanakan bertujuan merangka model serta menilai tahap keberkesanan agihan zakat bagi sektor pendidikan berpandukan prinsip maqasid syariah. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kuantitatif ke atas penerima bantuan zakat di sekitar Lembah Klang melalui kaedah 'Change Assessment and Scoring Tool (CAST).' Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya majoriti generasi kedua asnaf yang menerima zakat pendidikan berjaya di samping menunjukkan perubahan positif bagi setiap elemen maqasid syariah yang dikaji. Perubahan positif ini masih boleh dipertingkatkan dengan komitmen dan sokongan semua pihak sama ada dari pihak zakat atau diri asnaf itu sendiri. Kesimpulannya, golongan asnaf yang mendapat bantuan zakat pendidikan ini telah berupaya mengubah tahap kehidupan mereka ke arah yang lebih baik melalui kaca mata maqasid syariah.

Kata kunci: Zakat Pendidikan, Generasi Kedua Asnaf, Change Assessment And Scoring Tool (CAST), Maqasid Syariah

***EFFECTIVENESS OF EDUCATIONAL ZAKAT ASSISTANCE FOR
SECOND GENERATION ASNAF: A CASE STUDY IN
THE KLANG VALLEY***

Abstract

Zakat is a mandatory religious duty that can help address the socio-economic issues of the ummah. Zakat institutions are seen as responsible entities for monitoring and distributing assistance to eligible asnaf groups. Despite the annual increase in zakat distribution budget, the issue lies in the lack of impact measurement of zakat distribution effectiveness on asnaf groups. This situation results in unreported zakat distribution impacts, consequently affecting the level of public trust and stakeholders' confidence. To address this issue, this study aims to formulate a model and assess the effectiveness of zakat distribution for the education sector based on the principles of maqasid al-Shariah. This research employs a quantitative research methodology on zakat recipients in the Klang Valley area using the Change Assessment and Scoring Tool (CAST) method. The study findings indicate that overall, the majority of second-generation asnaf recipients of educational zakat have succeeded and exhibited positive changes in each element of maqasid al-Shariah under investigation. These positive changes can still be enhanced with the commitment and support of all parties, whether from the zakat institutions or the asnaf themselves. In conclusion, asnaf groups receiving educational zakat assistance have been able to improve their quality of life through the lens of maqasid al-Shariah.

Keywords: Education Zakat, Second-Generation Asnaf, Change Assessment and Scoring Tool (CAST), Maqasid Shariah

PENGENALAN

Zakat merupakan satu ibadah wajib yang dapat membantu menyelesaikan permasalahan sosioekonomi ummah. Insitusi zakat dilihat sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengagihkan bantuan kepada golongan asnaf yang layak. Agihan zakat yang dilaksanakan oleh pihak institusi zakat negeri secara amnya bukan sahaja memfokuskan bantuan kebajikan tetapi meliputi bantuan dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, kesihatan, perlindungan dan ekonomi. Statistik menunjukkan jumlah kutipan dan agihan zakat bagi tempoh 2020 hingga 2021 di Lembah Klang adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Jumlah Kutipan dan Agihan Zakat di Lembah Klang bagi Tempoh 2020 dan 2021

Bil	Negeri	Jumlah Kutipan (RM)		Jumlah Agihan (RM)	
		2020	2021	2020	2021
1	Wilayah Persekutuan	756.0 juta	821.7 juta	526.5 juta	732.4 juta
2	Selangor	913.0 juta	992.9 juta	867.2 juta	922.3 juta
Jumlah		1,669.0 juta	1,814.6 juta	1,393.7 juta	1,654.7 juta

Berdasarkan jumlah tersebut, bantuan zakat pendidikan yang telah dibelanjakan di

Wilayah Persekutuan bagi tujuan pendidikan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM88.49 juta meliputi skim bantuan pendidikan berjumlah RM67.08 juta (9.16%) manakala menerusi institusi pendidikan dan kebajikan berjumlah RM21.41 juta (2.9%) daripada jumlah agihan zakat tahun 2020 (Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Tahun 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Sungguhpun saban tahun belanjawan agihan zakat terus meningkat, permasalahan yang berlaku adalah kurangnya pemantauan impak keberkesanan agihan zakat tersebut kepada golongan asnaf oleh pihak institusi zakat. Antara isu yang sering dibangkitkan adalah berkenaan kegagalan institusi dalam melaksanakan pengagihan zakat dengan berkesan akan menyebabkan isu kesempitan hidup dalam kalangan asnaf tidak dapat diatasi (Astro Awani, 2019). Terdapat juga cadangan yang dikemukakan supaya institusi zakat perlu melakukan pembaharuan terutama dari segi agihan supaya ia dapat berfungsi (Berita Harian, 2019). Hal ini menunjukkan kesukaran bagi sesebuah institusi zakat dalam mengukur sejauh mana keberkesanan bantuan zakat terhadap penerima bantuan zakat. Impak keberkesanan agihan zakat bukan hanya sekadar statistik jumlah dan bilangan penerima bantuan malah institusi zakat perlu mengetahui tahap peningkatan pencapaian mereka dalam kehidupan selepas menerima bantuan zakat. Keadaan ini seterusnya akan menyebabkan risiko pelaporan berkenaan agihan zakat tidak komprehensif serta memberi kesan kepada tahap keyakinan masyarakat dan pemegang taruh.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ilmiah lepas banyak membincangkan berkenaan kejayaan atau kegagalan sesuatu program pembangunan terutama untuk golongan miskin dengan mengambil kira pelbagai faktor dan pemboleh ubah samada aspek ekonomi mahupun aspek sosial mengikut persepektif barat semata-mata dan agak sukar ditemui kajian yang menjurus kepada perspektif kajian dari sudut pandangan Islam. Emil (1992) mengambil kira semua maklumat sosioekonomi komuniti dalam menilai sesebuah program serta turut menjelaskan kepentingan melakukan penilaian. Rasional penilaian dilakukan untuk menilai kembali wang hasil sumbangan masyarakat sama ada memberi impak positif atau sebaliknya. Zainal Abidin (1992) mengambilkira perubahan pandangan dan gaya hidup. Dalam kajian lepas, indikator sosial merujuk kepada berapa ramai golongan miskin yang yang dapat membaiki taraf hidup seperti tempat tinggal, pendidikan, masa bersama keluarga dan gaya hidup yang lebih baik. Ahsan Ullah & Jayant K Routray (2007) menilai dari segi pendapatan, aspek aset produktif dan aset bukan produktif. Kajian-kajian mengenai keberkesanan agihan zakat pula hanya mengambilkira sebahagian aspek sahaja. Sebagai contoh, Hairunizam Wahid et al. (2001) hanya menilai aspek kualiti hidup, Fuadah Johari (2004) melihat kesan dari aspek agihan pendapatan manakala Patmawati Ibrahim (2005) menilai dari aspek kesaksamaan agihan pendapatan. Secara umumnya, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan kajian yang lepas menangani kesan agihan zakat hanya menilai kejayaan atau kegagalan berdasarkan faktor-faktor tertentu secara terpisah. Ia sepatutnya mengambil kira beberapa faktor lain sebagaimana dilakukan dalam membuat penilaian keberkesanan sesuatu program pembangunan ekonomi. Selain itu bentuk bantuan yang diterima oleh penerima bantuan zakat lazimnya

hanya dilihat dalam konteks tidak produktif seperti bantuan saraan bulanan yang masih tidak memberikan impak yang signifikan dalam meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Kajian oleh Rosbi et al (2008) mendapati dari aspek pemantauan yang mana bagi bantuan modal zakat yang tidak dilakukan pemantauan secara berkala. Perkara ini memberikan persepsi kepada golongan fakir miskin sebagai bantuan ihsan yang akhirnya mereka berpandangan gagal atau berjaya pemiagaan bukan persoalan yang penting, motivasi mereka sudah tumpul pada peringkat awal pemberian insentif zakat tersebut. Maka inovasi bantuan modal zakat dilakukan perubahan format kearah bantaun yang bersifat tanggungan serta pemantauan yang ketat. Kajian keberkesanan juga dilaksanakan banyak memfokuskan bidang keusahawanan seperti kajian Rosbi dan Sanep (2011), Nurmaizura et al. (2019) dan Solehuddin et al. (2017). Kajian keberkesanan melibatkan bantuan zakat pendidikan masih kurang dilaksanakan oleh pihak akademik. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi menilai samada bantuan pendidikan asnaf berupaya memberikan impak yang positif dan mampu memenuhi kesemua aspek yang digariskan oleh maqasid al-syariah serta fakto-faktor kejayaan generasi kedua asnaf Wilayah Persekutuan di institusi pengajian tinggi (IPT). Ini bertujuan untuk memastikan penilaian yang dilakukan menjadi lebih komprehensif dan menepati keperluan kehidupan berlandaskan garis panduan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian

kajian ini dilaksanakan bagi menilai samada bantuan pendidikan asnaf berupaya memberikan impak yang positif dan mampu memenuhi kesemua aspek yang digariskan oleh maqasid al-syariah serta fakto-faktor kejayaan generasi kedua asnaf Wilayah Persekutuan di institusi pengajian tinggi (IPT).

Populasi dan Persampelan

Sampel kajian adalah sebanyak 392 orang responden di sekitar Kuala Lumpur. Kaedah persampelan rawak ke atas responden yang mewakili populasi mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini telah dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan kaedah “google form” kepada golongan generasi kedua asnaf menggunakan borang soal selidik yang telah disediakan. Soal selidik diedarkan kepada responden mengambil masa sekitar lebih 1 bulan iaitu pada bulan Mac 2022 hingga April 2022.

Analisis Data

Kaedah penilaian ukuran keberkesanan yang digunakan adalah penggabungan prinsip maqasid alsyariah (Rosbi et. al, 2010). Metodologi yang dicadangkan adalah menggunakan ukuran keberkesanan yang dinilai menerusi kaedah Kaedah `Change Assessment and Scoring Tool `(CAST).` Kaedah CAST ini pada asalnya digunapakai

oleh pengkaji dari Denmark iaitu BIRTHA Mikkelsen (2005) dalam kajian mengenai keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan di bawah program Danish International Development Agency (DANIDA). Menerusi kaedah CAST ini, ukuran keberkesanan diperolehi apabila melihat kepada perubahan yang berlaku kepada responden apabila sesuatu program dilaksanakan, menerusi kaedah ini ukuran keberkesanan ditentukan oleh mereka yang terlibat dalam sesuatu program yang dilaksanakan. Pilihan jawapan yang dinyatakan oleh responden akan dikodkan dalam bentuk 'Change Assessment and Scoring Tool' (CAST). Perubahan ini akan diukur dalam 5 skala iaitu perubahan daripada yang paling positif (nilai 5), perubahan positif (nilai 4), tiada perubahan (nilai 3), perubahan tidak positif (nilai 2) dan kepada perubahan yang paling negatif iaitu perubahan sangat tidak positif (nilai 1). Keberkesanan atau pencapaian golongan asnaf dalam memenuhi setiap kategori ini akan dikategorikan semula kepada 3 keadaan pencapaian sama ada berjaya, sederhana dan kurang berjaya. Pencapaian terbaik (pencapaian skor 85% ke atas bagi aspek-aspek yang dinilai) bermakna secara purata golongan asnaf berupaya mencapai yang baik iaitu dalam erti kata yang lain 'perubahan sangat positif' (nilai 5) atau 'perubahan positif' (nilai 4). Maka kategori berjaya akan mempunyai purata skor antara 4.25 hingga 5.00. Manakala kategori pencapaian sederhana (pencapaian skor lingkungan 70% hingga 84.9%) menunjukkan sebahagian kecil mengalami perubahan positif (nilai 4) manakala lebih banyak pada kedudukan yang langsung tiada perubahan (nilai 3) menjadikan purata skor bagi kategori sederhana adalah dalam lingkungan 3.50 hingga 4.25. Bagi kategori lemah atau gagal (pencapaian bawah paras skor 70%) bermaksud bantuan modal yang disalurkan ini gagal membawa perubahan positif kepada penerima malah membawa keadaan yang semakin buruk iaitu (nilai 2) perubahan negatif, skala (nilai 1) perubahan yang sangat negatif berbanding sebelum bantuan zakat disalurkan. Maka skor secara umum bagi yang kurang berjaya atau gagal dalam lingkungan 1.00 hingga 3.49 dapat diterjemahkan. Analisa kebolehpercayaan menggunakan ujian melalui Alpha Cronbach bagi menguji nilai kebolehpercayaan untuk ke semua soalan-soalan. Berdasarkan jadual 2 pekali kebolehpercayaan, ia boleh disimpulkan bahawa keseluruhan pemboleh ubah mendapat keputusan yang cemerlang dan bagus. sekiranya nilai alpha melebihi skala 0.6, maka pemboleh ubah ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 2. Pekali Kebolehpercayaan

Pengukur Kebolehpercayaan	Cronbach Alpha
Ad-Din (4 elemen)	0.847
An-Nafs (4 elemen)	0.849
Al-Nasb (4 elemen)	0.896
Al-Aql (6 elemen)	0.893
Al-Maal (10 elemen)	0.898

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Berdasarkan Jadual 3, responden terdiri daripada 132 orang (33.7%) lelaki dan 260 orang wanita (66.3%). Berdasarkan umur responden, majoriti adalah dalam kalangan umur lingkungan 18-21 tahun iaitu 330 orang (84.2%) diikuti julat umur 21-25 iaitu 58 orang (14.8 %). Bagi umur 25-30 tahun pula seramai 3 orang (0.8%). Dari segi bangsa, majoriti

responden adalah berbangsa melayu seramai 379 orang (96.9%). Bangsa Cina dan India seramai seorang (0.3%) dan lain-lain seramai 10 orang (2.6%). Dari sudut status perkahwinan, kebanyakan responden masih bujang iaitu seramai 390 orang (99.5%), diikuti golongan berkahwin seorang (0.3%) dan duda seorang (0.3%). Secara umumnya majoriti penerima bantuan menerima pendidikan formal iaitu seramai 386 orang (98%) di peringkat STPM/Diploma/Matrikulasi, 7 orang (1.8%) di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan seorang di peringkat PhD (0.2%). Akhir sekali, dalam konteks status kesihatan, seramai 385 orang (98.2%) memiliki kesihatan yang sihat dan baik manakala 7 orang (1.8%) orang responden tidak sihat. Kesimpulannya, berdasarkan latar belakang majoriti responden didapati dari segi umur dan status berkahwin masih mempunyai keupayaan untuk mencari ilmu dan berpendidikan. Malah majoriti responden mendapat pendidikan secara formal di peringkat STPM/Diploma/Matrikulasi. Menerusi kompilasi latar belakang status kesihatan, umur dan tahap pendidikan formal, secara keseluruhan responden merupakan sekumpulan individu yang berpotensi besar dari sudut modal insan yang boleh dibangunkan.

Jadual 4 menunjukkan data berkenaan dengan latar belakang responden dengan secara terperinci. Data menunjukkan seramai 213 orang (54.3%) daripada pelajar semester 5 dan keatas, 150 orang (38.3%) semester 2, 25 orang atau 6.4% semester 3, seramai 3 orang (3.4%) semester yang ke 4 dan seorang (0.2%) semester pertama. Secara umumnya, kebanyakan responden adalah pelajar daripada semester ke 5 dan ke atas. Bagi tempat pengajian, seramai 225 orang responden (57.4%) merupakan pelajar Kolej Swasta; seramai 143 orang pelajar PICOMS (36.5%), seramai 21 orang pelajar IPTS (5.4%) dan paling sedikit ialah pelajar daripada IPTA iaitu seramai 3 orang (0.8%). Selain daripada itu, penilaian CGPA menunjukkan seramai 129 orang (32.9%) mendapat keputusan yang cemerlang iaitu mencapai CGPA 3.49-4.00. 176 orang (44.9%) mendapat CGPA 3.00-3.49, 80 orang (20.4%) mendapat CGPA sebanyak 2.00-3.00 dan hanya seorang mendapat CGPA 1.00-2.00. Ini menunjukkan responden yang menerima bantuan zakat secara majoritinya sangat cemerlang dalam pelajaran mereka. Majoriti pendapatan bulan bapa bagi golongan generasi kedua asnaf ialah sebanyak RM1,001-RM3,000 iaitu seramai 166 orang (42.3%). Seterusnya bagi pendapatan kurang daripada RM500 seramai 102 pelajar (26%), RM500-RM1,000 seramai 100 orang (25.5%), RM3,001-RM5,000 seramai 23 orang (5.9%) dan pendapatan bulanan bapa yang melebihi daripada RM5,000 seramai seorang sahaja (0.2%).

Ini menunjukkan pendapatan bagi bapa pelajar adalah secara umumnya adalah sederhana. Dan, majoriti pendapatan bulanan ibu adalah sebanyak kurang dari RM500 iaitu melibatkan seramai 256 orang (66.1%) diikuti dengan pendapatan di antara RM500-RM1,000 iaitu seramai 62 orang (15.8%). Seterusnya, bagi pendapatan di antara RM1,001-RM3,000 melibatkan seramai 58 orang pelajar (14.8%), RM3,001-RM5,000 pula melibatkan seramai 12 orang pelajar (3.1%), dan pendapatan bulanan ibu yang melebihi daripada RM5000 seramai seorang sahaja (0.3%). Ini menunjukkan majoriti responden mempunyai pendapatan ibu kurang daripada RM500. Bagi tahap pendidikan bagi bapa generasi kedua asnaf, ia menunjukkan majoriti bapa kepada pelajar mempunyai tahap pendidikan Sijil Kemahiran iaitu seramai 191 orang (48.7%) diikuti dengan Sekolah Menengah (SRP/SPM) seramai 90 orang (23%), STPM/ Diploma pula seramai 58 orang (14.8%), tamat sekolah rendah 30 orang (7.7%), Ijazah Sarjana/ PhD seramai 16

orang (4.1%) dan yang tidak bersekolah pula seramai 7 orang (1.8%). Secara umumnya, majoriti bapa pelajar mempunyai pendidikan tahap menengah dan sijil kemahiran. Manakala, tahap pendidikan bagi ibu generasi kedua asnaf menunjukkan majoriti ibu pelajar mempunyai SPM/ Sijil Kemahiran iaitu seramai 205 orang (52.3%) diikuti Sekolah Menengah (SRP/SPM) seramai 79 orang (20.2%). Seterusnya diikuti dengan STPM/ Diploma 49 orang (12.5%), tamat sekolah rendah 32 orang (8.2%), Ijazah Sarjana/ PhD 19 orang (4.8%) dan tidak bersekolah seramai 8 orang (2%). Secara umumnya, majoriti ibu kepada pelajar menerima bantuan pendidikan mempunyai sekolah menengah dan sijil kemahiran yang boleh membantu membimbing anak-anak mereka. Selain daripada itu, di antara masalah utama yang dikenal pasti yang dihadapi oleh golongan generasi kedua asnaf dalam pengajian adalah perbelanjaan harian tidak mencukupi iaitu 43.4%, gangguan masalah internet 23.2%, masalah peralatan seperti komputer riba, gajet dan sebagainya 14.8%, kesukaran tempat tinggal yang selesa 12.5%, harga sewa naik 3.1% dan lain lain sebanyak 3.1%. Dari segi kecukupan zakat, Seramai 200 orang pelajar atau 51% bersetuju bahawa bantuan zakat yang diterima mencukupi untuk menampung pembelajaran mereka. Selebihnya seramai 192 orang pelajar atau 49% tidak bersetuju tentang kecukupan dana zakat yang diterima.

Jadual 3. Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
<i>Jantina</i>		
Lelaki	132	33.7
Perempuan	260	66.3
<i>Umur</i>		
< 18	0	0
18-21	330	84.2
21-25	58	14.8
25-30	3	0.8
>30	0	0
<i>Bangsa</i>		
Melayu	379	96.9
Cina	1	0.3
India	1	0.3
Lain-lain	10	2.6
<i>Status</i>		
Bujang	390	99.5
Berkahwin	1	0.3
Duda	1	0.3
Janda/Ibu Tunggal	0	0
<i>Pendidikan</i>		
STPM/Diploma/Matrikulasi	384	98
Ijazah Sarjana Muda	7	1.8
Ijazah Sarjana	0	0
PhD	1	0.2
<i>Tahap Kesihatan</i>		

Sihat	385	98.2
Kurang sihat	7	1.8

Sumber: Soal Selidik, 2022.

Jadual 4. Latar Belakang Pendidikan Responden Secara Terperinci

Latar Belakang Pendidikan Responden	Bilangan (Orang)	Peratusan (%)
<i>Semester Pengajian</i>		
Semester 1	1	0.2
Semester 2	150	38.3
Semester 3	25	6.4
Semester 4	3	0.8
Semester 5 dan ke atas	213	54.3
<i>Tempat pengajian</i>		
IPTA	3	0.8
IPTS	21	5.4
PICOMS	143	36.5
Kolej Swasta	225	57.4
<i>Penilaian CGPA</i>		
0.00-1.00	0	0
1.00-2.00	1	0.2
2.00-3.00	80	20.4
3.00-3.49	176	44.9
3.49-4.00	129	32.9
<i>Pendapatan Bulanan Bapa</i>		
Kurang daripada RM500	102	26
RM500 – RM1000	100	25.5
RM1001 – RM3000	166	42.3
RM3001 – RM5000	23	5.9
Lebih daripada RM5000	1	0.3
<i>Pendapatan Bulanan Ibu</i>		
Kurang daripada RM500	256	66.1
RM500 – RM1000	62	15.8
RM1001 – RM3000	58	14.8
RM3001 – RM5000	12	3.1
Lebih daripada RM5000	1	0.3
<i>Tahap Pendidikan Bapa</i>		
Tidak bersekolah	7	1.8
Tamat sekolah rendah	30	7.7
Sekolah menengah (SRP/SPM)	90	23
Sijil Kemahiran	191	48.7
STPM/ Diploma	58	14.8
Ijazah Sarjana/ PhD	16	4.1
<i>Tahap Pendidikan Ibu</i>		
Tidak bersekolah	8	2
Tamat sekolah rendah	32	8.2
Sekolah menengah (SRP/SPM)	79	20.2

SPM/ Sijil Kemahiran	205	52.3
STPM/ Diploma	49	12.5
Ijazah Sarjana/ PhD	19	4.8

Sumber: Soal Selidik, 2022.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Menggunakan Kaedah Penilaian Komprehensif Berlandaskan Maqasid Syariah.

Keberkesanan bantuan modal zakat sama ada memberikan kesan secara positif atau sebaliknya bukan hanya diukur dari segi ekonomi semata-mata, malah lebih penting penilaian yang menyeluruh dalam pelbagai sudut sama ada ekonomi, sosial dan kerohanian untuk menilai bantuan zakat ini dapat memberikan impak yang lebih nyata dalam pelbagai sudut untuk kajian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara umumnya. Selaras dengan prinsip maqasid syariah yang menetapkan bahawa seorang muslim sewajarnya menjaga lima perkara iaitu agama, nyawa akal, keturunan dan harta bagi memastikan keperluan kehidupan dapat dipenuhi, maka sewajarnya keberkesanan bantuan modal ini perlu dinilai dari segi keupayaan memenuhi 5 perkara tersebut. Maka elemen-elemen bagi prinsip maqasid syariah akan diguna pakai untuk membentuk satu kaedah penilaian komprehensif bagi melihat keberkesanan bantuan modal zakat dalam perpektif yang lebih tepat. Jadual 5 menunjukkan hasil kajian iaitu purata skor, kategori pencapaian, purata skor keseluruhan dan rajah carta CAST bagi 5 elemen prinsip maqasid syariah. Manakala, Jadual 6 menunjukkan peratusan kategori tahap CAST bagi setiap elemen prinsip maqasid syariah tersebut. Berikut merupakan analisa secara terperinci berkenaan dengan keberkesanan bantuan zakat bagi 5 elemen di dalam prinsip maqasid syariah.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid Syariah - Keperluan Menjaga Agama (Ad-Din).

Keperluan menjaga Ad-Din dalam Islam diletakkan sebagai teras utama yang perlu diberi penekanan secara mandatori. Kegagalan memenuhi keperluan paling utama ini akan menunjukkan bahawa seorang muslim dianggap tidak berjaya dalam kehidupan dunia dan akhirat khususnya. Berdasarkan jadual 5, bagi mengukur keberkesanan bantuan modal zakat dalam memenuhi keperluan menjaga agama, terdapat tujuh item yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi bagi setiap elemen berkenaan. Maka hasil kajian mendapati skor yang diperolehi adalah pada tahap berjaya. Rajah carta CAST menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanan oleh responden bagi memenuhi keperluan menjaga agama. Seperti yang diilustrasikan dalam carta CAST, kesemua elemen adalah pada kategori berjaya. Ini menunjukkan golongan asnaf berusaha lebih bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu, berusaha meningkatkan diri dalam mencari keredhaan Allah dan menjadi manusia yang bertaqwa, berilmu dan beramal, memahami matlamat akhir kehidupan adalah bagi mencari keredaan Allah dan mencapai kejayaan di dunia dan akhiria serta kini lebih bersyukur setelah menerima bantuan zakat. Berdasarkan jadual 6, didapati hampir kesemua responden berjaya dalam maqasid syariah al-din iaitu sebanyak 82.4%, manakala sederhana adalah 15.8% dan gagal mencapai maqasid pertama hanya 1.8%. Dapat dirumuskan bahawa lebih 80% menyatakan mengalami perubahan yang positif dalam memenuhi tuntutan kehidupan dan bantuan yang disalurkan mereka berjaya membina jati diri dalam menelusuri kehidupan.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid Syariah - Keperluan Menjaga Nyawa (Al-Nafs).

Dalam konteks prinsip menjaga keperluan nyawa (al-nafs), sebanyak 4 item perlu diberi pandangan dan penilaian oleh responden. Berdasarkan jadual 13 di bawah, didapati majoriti penilaian adalah pada kadar sederhana. Rajah carta CAST menggambarkan kedudukan setiap elemen yang telah dinilai keberkesanan oleh responden bagi memenuhi setiap keperluan menjaga nyawa (al-nafs). Di dalam carta CAST ini menunjukkan 4 item elemen yang dinilai, 2 daripada elemen tersebut telah mencapai tahap berjaya iaitu dari segi persekitaran yang selesa dan selamat untuk didiami serta kini lebih tenang dalam mengharungi cabaran dalam menimba ilmu. Dua lagi elemen tersebut telah mencapai tahap sederhana iaitu dari segi bebas dari kerisauan dalam menentukan masa hadapan serta merasakan hidup lebih teratur dan mempunyai matlamat hidup yang jelas. Maka secara umumnya, bagi prinsip menjaga keperluan nyawa (al-nafs) masih dalam lingkungan pencapaian sederhana. Bagi peratusan kategori tahap CAST (rujuk Jadual 6), kategori maqasid elemen ke-2 adalah sebanyak 185 orang (47.2 %) peratus mencatatkan kejayaan, manakala 159 orang (40.6%) adalah sederhana dan 48 orang (12.2%) gagal mencapai piawai minima maqasid syariah yang kedua ini.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid Syariah - Keperluan Menjaga Akal & Fikiran (Al-Aqal).

Prinsip maqasid syariah bagi keperluan menjaga akal dan fikiran (al-aqal), terdapat 6 item yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi bagi setiap elemen berkenaan (rujuk Jadual 5). Hasil kajian mendapati bahawa skor yang diperolehi adalah berjaya. Rajah carta CAST menunjukkan hanya empat daripada enam item berada dalam kedudukan yang berjaya iaitu merasakan bertanggungjawab dalam mencari ilmu, kini dapat meningkatkan taraf kualiti pendidikan ke arah lebih baik lagi, percaya dan yakin bahawa ilmu pendudukan penting untuk kejayaan individu serta dapat mempertingkatkan nilai disiplin dalam diri. Selebihnya menunjukkan pada tahap sederhana iaitu merasakan diri lebih fokus untuk belajar dan lebih menghayati dan mudah faham dengan ilmu yang diberikan. Ini menunjukkan secara umumnya generasi kedua asnaf masih tidak begitu aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan kurang keyakinan dalam konteks interaksi, menyuarakan pandangan dan idea. Bagi peratusan tahap kategori seperti di dalam Jadual 6 mendapati hampir separuh responden berjaya dalam maqasid al-aqal iaitu sebanyak 64%, manakala sederhana adalah 32.1% dan gagal mencapai maqasid ketiga hanya 3.8%.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid Syariah – Keperluan Menjaga Maruah & Keturunan (Al-Nasb).


Prinsip maqasid seterusnya adalah dari menjaga maruah dan keturunan (al-nasb). Maka untuk itu 5 item perlu diberi pandangan dan penilaian oleh responden. Maka hasil kajian didapati bahawa skor purata yang diperolehi adalah berjaya. Rajah CAST telah menunjukkan kesemua item dalam kategori adalah berjaya iaitu merasakan lebih dihormati keluarga dan masyarakat, berasa lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat, dapat mengenal pasti bakat, potensi dan keupayaan diri untuk




menjadi manusia yang berguna, berasa yakin dapat mengharumkan nama baik keluarga dengan mendapat keputusan yang cemerlang serta berazam akan menyumbang ilmu dan berbakti kepada masyarakat dan negara. Ini menunjukkan golongan asnaf ini sangat menitikberatkan tentang prinsip menjaga maruah dan keturunan dalam kehidupan mereka. Berdasarkan kajian ini didapati majoriti pelajar memperolehi tahap berjaya iaitu seramai 254 orang (64.8%) (rujuk jadual 6). Ini menunjukkan ramai golongan generasi kedua asnaf berjaya dalam menjaga maruah dan keturunan mereka dan merasakan maruah dan keturunan adalah elemen yang sangat penting dijaga dalam kehidupan. Maruah adalah perkara yang sangat berharga dalam Islam. Selain itu, seramai 114 orang (29.1%) mencapai tahap sederhana dan 24 orang sahaja (6.1%) memperolehi skor gagal.

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid Syariah – Keperluan Menjaga Harta (Al-Mal).

Aspek terakhir yang diukur adalah prinsip maqasid syariah keperluan menjaga harta (al-mal). Berdasarkan jadual 5, terdapat 6 item yang dibentuk untuk menilai skor yang diperolehi. Maka hasil kajian ini mendapati skor purata diperolehi adalah pada tahap sederhana. Rajah carta CAST menunjukkan terdapat tiga item sahaja yang mencapai tahap berjaya secara purata iaitu dapat menanggung perbelanjaan untuk meneruskan pengajian, berupaya menguruskan wang perbelanjaan bagi kelangsungan pengajian dengan lebih efektif dan efisien dan dapat memastikan keperluan harian dipenuhi. Manakala item lain adalah di bawah skor sederhana iaitu memastikan diri mempunyai pengangkutan atau kemudahan pengangkutan untuk ke kuliah dan mampu untuk membayarnya, mampu menyediakan keperluan pembelajaran seperti alatan tulis, buku, komputer riba dan sebagainya serta mampu membayar yuran pendidikan tepat pada masa. Berdasarkan rajah 6, kejayaan untuk konteks maqasid syariah harta adalah pada kadar 49.7% dan sederhana adalah 36.2% manakala yang gagal 14%. Maka generasi kedua asnaf ini masih perlu dibantu bagi memenuhi keperluan pendidikan mereka serta mereka juga perlu dididik dalam menguruskan kewangan peribadi mereka.

Jadual 5. Ukuran Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Menggunakan Kaedah Penilaian Komprehensif Berlandaskan Maqasid Syariah.

Pernyataan	Purata Skor	Kategori	Purata Skor Keseluruhan	Rajah Carta CAST
<i>Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan dalam Memenuhi Prinsip Pertama Maqasid al-Syariah: Prinsip Menjaga Agama (ad-Din)</i>				
Berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.	4.57	Berjaya	4.64 (Berjaya)	
Dapat meningkatkan diri dalam mencari keredhaan Allah dan menjadi manusia yang bertaqwa, berilmu dan beramal.	4.64	Berjaya		
Memahami matlamat akhir kehidupan adalah bagi mencari keredaan Allah dan mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.	4.66	Berjaya		
Kini lebih bersyukur setelah menerima bantuan zakat.	4.68	Berjaya		

Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Keperluan Menjaga Nyawa (Al-Nafs)				
Persekitaran yang selesa dan selamat untuk didiami.	4.36	Berjaya	4.06 (Sederhana)	
Kini lebih tenang dalam mengharungi cabaran dalam menimba ilmu.	4.28	Berjaya		
Bebas dari kerisauan dalam menentukan masa hadapan.	4.06	Sederhana		
Merasakan hidup lebih teratur dan mempunyai matlamat hidup yang jelas.	3.53	Sederhana		
Keberkesanan bantuan zakat pendidikan dalam memenuhi keperluan menjaga akal & fikiran (al-aqal)				
Merasakan diri lebih fokus untuk belajar.	4.22	Sederhana	4.43 (Berjaya)	
Lebih menghayati dan mudah faham dengan ilmu yang diberikan.	4.24	Sederhana		
Merasakan bertanggungjawab dalam mencari ilmu.	4.56	Berjaya		
Kini dapat meningkat taraf kualiti pendidikan ke arah lebih baik lagi.	4.42	Berjaya		
Percaya dan yakin bahawa ilmu pendudukan penting untuk kejayaan individu.	4.66	Berjaya		
Dapat mempertingkatkan nilai disiplin dalam diri.	4.51	Berjaya		
Keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan Dalam Memenuhi Keperluan Menjaga Maruah & Keturunan (Al-Nasb)				
Merasakan lebih dihormati keluarga dan masyarakat.	4.38	Berjaya	4.48 (Berjaya)	
Berasa lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat.	4.58	Berjaya		
Dapat mengenal pasti bakat, potensi dan keupayaan diri untuk menjadi manusia yang berguna.	4.40	Berjaya		
Berasa yakin dapat mengharumkan nama baik keluarga dengan mendapat keputusan yang cemerlang.	4.50	Berjaya		
Berazam akan menyumbang ilmu dan berbakti kepada masyarakat dan negara.	4.55	Berjaya		

Jadual 6. Kategori Tahap CAST

Kategori	Bilangan Responden (Orang)	Peratusan (%)	Peratusan Terkumpul (%)
Memenuhi Keperluan Menjaga Agama (Ad-Din)			
Berjaya	323	82.4	82.4
Sederhana	62	15.8	98.2
Gagal	7	1.8	100


<i>Memenuhi keperluan menjaga Nyawa (al-nafs)</i>			
Berjaya	185	47.2	47.2
Sederhana	159	40.6	87.8
Gagal	48	12.2	100
<i>Memenuhi keperluan Menjaga Akal Dan Fikiran (Al-Aqal)</i>			
Berjaya	251	64	64
Sederhana	126	32.2	96.2
Gagal	15	3.8	100
<i>Memenuhi Keperluan Menjaga Maruah & Keturunan (Al-Nasb)</i>			
Berjaya	254	64.8	64.8
Sederhana	114	29.1	93.9
Gagal	24	6.1	100
<i>Memenuhi Keperluan Menjaga Harta (Al-Mal)</i>			
Berjaya	195	49.7	49.7
Sederhana	142	36.2	86
Gagal	55	14	100

PERBINCANGAN

Hasil keseluruhan kajian bagi kelima-lima prinsip maqasid syariah ini telah mendapati bahawa purata skor bagi setiap maqasid adalah berada pada tahap Berjaya (rujuk Table 7). Bagi Carta CAST di dalam Rajah 1 telah menggambarkan kedudukan purata skor bagi keseluruhan responden untuk setiap elemen yang telah dinilai keberkesanan memenuhi kelima-lima prinsip maqasid syariah. Berdasarkan carta CAST ini, dapat dirumuskan bahawa hasil kajian mendapati skor purata bagi elemen yang dikaji pada tahap berjaya bagi memenuhi keperluan lima prinsip asas menunjukkan yang program agihan bantuan zakat pendidikan berada dalam tahap Berjaya. Ini juga menunjukkan perubahan positif pada generasi kedua asnaf bagi setiap elemen yang dikaji. Perubahan positif ini masih boleh dipertingkatkan kepada perubahan yang sangat positif dengan komitmen dan sokongan semua pihak samada dari pihak zakat atau asnaf itu sendiri. Dapat disimpulkan golongan asnaf yang mendapat bantuan zakat pendidikan ini telah berupaya mengubah tahap kehidupan mereka ke arah yang lebih baik melalui kaca mata maqasid syariah.

Jadual 7. Hasil keseluruhan keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan bagi kelima-lima prinsip maqasid syariah.

Prinsip Maqasid al-Syari'ah	Purata Skor	Keberkesanan
Menjaga Agama (<i>ad-Din</i>)	4.64	Berjaya
Menjaga Nyawa (<i>an-Nafs</i>)	4.06	Sederhana
Menjaga Akal dan Fikiran (<i>al-'Aql</i>)	4.43	Berjaya
Menjaga Maruah dan Keturunan (<i>an-Nasl</i>)	4.48	Berjaya
Menjaga Harta (<i>al-Mal</i>)	4.21	Sederhana
Purata Keseluruhan	4.36	Berjaya



Rajah 1. Purata skor keseluruhan keberkesanan Bantuan Zakat Pendidikan bagi kelima-lima prinsip maqasid syariah.

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk merangka model serta menilai tahap keberkesanan agihan zakat bagi sektor pendidikan berpandukan prinsip maqasid syariah. Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan secara kuantitatif ke atas penerima bantuan zakat di sekitar Lembah Klang melalui kaedah 'Change Assessment and Scoring Tool (CAST).' Hasil kajian yang menunjukkan purata skor keberkesanan bantuan zakat pendidikan berada pada tahap berjaya ialah Menjaga Agama (ad-Din), Menjaga Akal dan Fikiran (al-'Aql) dan Menjaga Maruah dan Keturunan (an-Nasl). Manakala, Menjaga Nyawa (an-Nafs) dan Menjaga Harta (al-Mal) menunjukkan berada pada tahap yang sederhana. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati skor purata keseluruhan mencapai tahap berjaya bagi kesemua keperluan elemen prinsip maqasid syariah. Skor purata ini menunjukkan yang prinsip ad-din mempunyai jumlah besar 392 orang responden, 323 orang (82.4%) berada pada kedudukan CAST yang berjaya, kedudukan sederhana hanya 62 orang (15.8%) dan yang tidak berjaya seramai 7 orang (1.8%). Bagi prinsip yang kedua An-nafs iaitu menjaga nyawa seramai 185 orang (47.2%) menunjukkan kejayaan yang cemerlang bagi pengiraan CAST, 159 orang responden (40.6%) pada tahap sederhana dan hanya 48 orang (12.2%) tidak berjaya. Prinsip menjaga akal pula yang mencatatkan kejayaan seramai 251 orang (64%) manakala sederhana 126 orang (32.1%) dan tidak berjaya seramai 15 orang (3.8%). Kategori maqasid yang keempat iaitu menjaga maruah dan keturunan menunjukkan responden yang berjaya seramai 254 orang (64.8%), tahap sederhana seramai 114 orang (29.1%) dan kurang berjaya seramai 24 orang responden (6.1%). Bagi kategori yang terakhir iaitu kepentingan maqasid menjaga harta, skor berjaya mencatatkan seramai 195 orang (49.7%) 142 orang (36.2%) pada skor sederhana dan tidak berjaya pula seramai 55 orang (14%). Secara agregat, skor yang diperolehi adalah dalam lingkungan berjaya iaitu sebanyak 4.36 bagi pengiraan kaedah CAST dengan 238 orang (60.7%) responden berjaya, 132 orang (33.7%) responden mencapai skor sederhana manakala baki 19 orang

(4.8%) mencapai skor tidak berjaya. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya majoriti generasi kedua asnaf yang menerima zakat pendidikan berjaya di samping menunjukkan perubahan positif bagi setiap elemen maqasid syariah yang dikaji. Kesimpulannya, golongan asnaf yang mendapat bantuan zakat pendidikan ini telah berupaya mengubah tahap kehidupan mereka ke arah yang lebih baik melalui kaca mata maqasid syariah.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis pertama melakukan dan menulis kajian literatur, metodologi, analisis data, penambahbaikan terhadap perbincangan dan semakan terhadap rujukan. Penulis kedua melakukan penambahanbaikan terhadap sorotan literatur manakala penulis ketiga menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan.

RUJUKAN

- Ahsan Ullah & Routray J.K, 2007. "Rural Poverty Alleviation Through NGO Intervention in Bangladesh": How Far It, The Achievement. *International Journal of Social Economics*. Vol 34, No 4 (2007), hlm 237-248.
- Astro Awani, 2019. *Institusi Zakat Diseru Galas Tanggungjawab Dengan Telus*: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/institusi-zakat-diseru-galas-tanggungjawab-dengan-telus-221369>
- Berita Harian, 2019. *Pembaharuan pusat zakat supaya fungsinya lebih berkesan*: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/623109/pembaharuan-pusat-zakat-supaya-fungsinya-lebih-berkesan>
- Emil J. Posavac & Raymond G. Carey, 1992. *Program Evaluation Methods and Case Studies*. Fourth Edition. United State of America: Prentice Hall.
- Fuadah Johari, 2004. *Keberkesanan Zakat dalam Mengatasi Masalah kemiskinan di Negeri Melaka*. Disestasi Sarjana Syariah dan Ekonomi. Universiti Malaya.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, 2004. "Kesan bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin". Dlm Muhamad Muda et.al. *Proceeding on National Seminar in Islamic Banking & Finance 2004*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2020.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30: 607-610.
- Mikkelsen, B. 2005. *Methods of Development Work and Research. A New Guide For Practitioners*. Second Edition. New Delhi: Sage Publications India. Pvt.Ltd.
- Nurmaizura Marzuki, Solehuddin Zulkifli & Hairunnizam Wahid. 2019. *Pengukuran Kejayaan Bantuan Modal Perniagaan Usahawan Asnaf Dalam Konteks Pencapaian Maqāsid Al-Sharī'ah: Kajian Di Daerah Kuala Terengganu Dan Kuala Nerus, Terengganu*.

- Patmawati Ibrahim, 2005. "Potential Role of Zakat Distribution in Reducing Inequality Among the Muslim Society". Dlm Abdullah Alwi Hj Hassan et al. *Teori dan Aplikasi Kontemporari*.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad, 'Strategi Pembangunan Keusahawanan Asnaf Fakir dan Miskin melalui Agihan Bantuan Modal Zakat,' *Jurnal Pengurusan*, vol. 33 (2011): 37-44.
- Rosbi Abd Rahman & Sanep Ahmad. 2010. Pengukuran Keberkesanan Agihan Zakat: Perspektif Maqasid al-Syariah. Kertas Kerja dibentang di Seveth International conference; *The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*. Organise by Institut Islam Hadhari dan Ekonis, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM di ILIM, Bangi. 6-7 Januari 2010.
- Rosbi Abd Rahman, 'Keberkesanan Bantuan Modal Zakat Ke Arah Peningkatan Taraf Sosioekonomi Golongan Asnaf Fakir dan Miskin,' (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2011).
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid, 'Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan,' (Kertas Kerja, Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia IV, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Port Dickson, 20-22 Ogos 2008).
- Solehuddin Zulkifli, Nurmaizura Marzuki & Hairunnizam Wahid. 2017. Keberkesanan Bantuan Modal Zakat Daripada Perspektif Penerima: Kajian di Daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, Terengganu. Bab 20, *Buku Pengurusan Zakat Di Malaysia: Satu Pendekatan Analisis Gelagat*.
- Zainal Abidin Arshad. 1992. *Kemiskinan: Kajian Keberkesanan Program- Program Kerajaan Di Perlis*. Tesis Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.